

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK KERTAS KERJA	:	Memohon Kelulusan Belanjawan Bagi Memperbaharui Sewaan Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Pantai Timur (WPT) di Tingkat 14 Menara Zenith, Kuantan Pahang
TARIKH	:	01 April 2023 – 31 Mac 2026
TEMPAT	:	Tingkat 14 Menara Zenith, Kuantan
KOS TERLIBAT	:	1. Sewaan ruang pejabat: RM14,203.92 sebulan (Kos 3 tahun: RM511,341.12) 2. Tambahan deposit sekuriti: RM1,978.86
JABATAN/BAHAGIAN/UNIT		MPC Wilayah Pantai Timur (ECR)
IMPLIKASI KEPADA RAKYAT	:	Menyediakan ruang kerja untuk MPC WPT menjalankan tugas dan memudahkan pelanggan untuk berurusan
BAKI AKHIR PERUNTUKAN/ TANDA TANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN/TANDA TANGAN PENGURUS UNIT PEROLEHAN	:	

**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN KELULUSAN
LEMBAGA PENGURUSAN**

**MEMOHON KELULUSAN PERUNTUKAN BAGI MEMPERBAHARUI SEWAAN
PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH PANTAI
TIMUR (WPT) DI TINGKAT 14 MENARA ZENITH, KUANTAN PAHANG**

1.0 TUJUAN

- 1.1. Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC bagi memperbaharui sewaan pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Pantai Timur (WPT) Di Tingkat 14 Menara Zenith, Kuantan Pahang untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 1 April 2023 sehingga 31 Mac 2026.
- 1.2. Peruntukan adalah dimohon untuk kos sewaan ruang pejabat dan kos sewaan ruang parkir untuk kegunaan warga sepanjang tempoh sewaan tersebut.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat MPC WPT telah menyewa premis di Tingkat 14, Menara Zenith untuk tempoh tiga (6) tahun bermula pada 1 April 2017 sehingga 31 Mac 2023 dengan kadar sewa sebanyak RM13,544.30 sebulan (RM3.08/kaki persegi).
- 2.2 Sewaan akan tamat pada 31 Mac 2023 dan kontrak penyambungan bagi tempoh tiga (3) tahun bermula 1 April 2023 sehingga 31 Mac 2026 perlu ditandatangani untuk MPC WPT terus beroperasi di premis ini dengan kadar sewaan sebanyak RM14,203.92 sebulan (RM3.23/ kaki persegi). Lampiran 1.
- 2.3 Kadar kenaikan adalah sebanyak 4.8% berbanding kadar sewaan semasa.
- 2.4 Selaras dengan kadar baharu sewaan, tambahan security deposit sebanyak RM1,978.86 juga perlu diberikan kepada pemilik bangunan seperti yang dinyatakan dalam syarat sewaan

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Pembaharuan kontrak sewaan ini amatlah diperlukan sebagai pejabat operasi MPC di wilayah pantai timur. MPC WPT telah menyewa premis ini semenjak 2017 dan telah menjalankan renovasi serta pelanggan juga telah mengenalpasti kedudukan MPC WPT di premis ini.
- 3.2 Sekiranya kontrak ini tidak diperbaharui tempoh sewaannya, premis perlu dipulangkan dalam keadaan asal dan MPC WPT perlu menyewa di premis baharu.

4.0 ANGGARAN KOS

- 4.1 Kos sewaan bulanan sebanyak RM14,203.92 sebulan (RM3.23/ kaki persegi). Jumlah kos sewaan untuk tiga (3) tahun RM511,341.12
- 4.3 MPC juga perlu membayar tambahan deposit sekuriti sebanyak RM1,978.86. Selain dari itu, terma adalah tidak berubah dari kontrak sedia ada.
- 4.4 Pecahan peruntukan perbelanjaan tahunan sepanjang tempoh sewaan adalah seperti jadual di bawah.

Bil	Perkara	1 Apr 2023 – 31 Dis 2023	1 Jan 2024 – 31 Dis 2024	1 Jan 2025 – 31 Dis 2025	1 Jan 2026 – 31 Mac 2026
1	Sewaan ruang pejabat	RM127,835.28	RM170,447.04	RM170,447.04	RM42,611.76
2	Tambahan deposit sekuriti	RM1,978.86	-	-	-
	JUMLAH	RM129,814.14	RM170,447.04	RM170,447.04	RM42,611.76

5.0 CADANGAN / SYOR

- 5.1 Adalah diharapkan agar pihak Lembaga Pengurusan MPC dapat meluluskan belanjawan bagi memperbaharui sewaan ruang pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Pantai Timur (WPT) di Tingkat 14 Menara Zenith, Kuantan Pahang untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 1 April 2023 sehingga 31 Mac 2026

Disediakan oleh:



(Mohd Azhar Zainuddin)
Penolong Pengurus
MPC ECR
Tarikh: 13/2/2023

Disemak oleh :



(Mohd Azwan Mohd Salleh)
Pengarah Wilayah
MPC ECR
Tarikh: 13/2/2023

